

09 APR 2001

Parlimen-Gulung (Kewangan)

PEMBANGKANG SUKA "CARI PASAL" SEMASA PERBAHASAN DITEGUR

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh bimbang dengan sikap beberapa anggota Parlimen dari parti pembangkang yang lebih suka "mencari pasal" terhadap perancangan kerajaan bagi masa depan negara.

Sambil mengakui kerajaan wajib menjawab apa sahaja persoalan yang dibangkitkan di Dewan Rakyat, beliau berkata apabila mendengar dan mengkaji setiap perbincangan itu, pembangkang didapati membangkitkan dan mempertikaikan perkara yang sama.

"Pembangkang tidak ada apa-apa cadangan, sekadar mengulangi tuduhan liar bagi memenuhi masa yang diberikan untuk perbincangan. Adalah lebih baik sekiranya pembangkang dapat memberikan cadangan konkrit ataupun pandangan alternatif.

"Cadangan ini kemudiannya dapat dibincangkan. Perdebatan di Parlimen akan menjadi lebih bermakna," katanya semasa menggulung perbincangan usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Sambil merujuk kepada usaha pembangkang yang mengganggu dengan tujuan menunda pembentangan Belanjawan 2001 sesi lepas dan RRJP3 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas, Shafie berkata kerajaan perlu bertegas apabila berdepan dengan pembangkang yang semata-mata mahu menggagalkan usaha murni kerajaan.

Mukadimah penggulungan Shafie itu membuatkan dua anggota pembangkang, Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) dan Datuk Kamaruddin Jaafar (PAS-Tumpat) bangun dan meminta penjelasan.

Abdul Rahman berkata kenyataan Shafie itu tidak bertanggungjawab kerana apa yang dibangkitkan pembangkang adalah kritikan kepada pelaksanaan projek yang didapati membazir.

Kamaruddin pula bertanya sama ada kenyataan Shafie itu mempunyai kaitan dengan penarafan oleh Standard and Poor Rating Agency yang menurunkan taraf Malaysia dan mendakwa genggam kuku besi Perdana Menteri kini sudah hilang ekor kritikan tajam pembangkang.

Shafie dalam jawapan balasnya berkata: "Teguran-teguran orang luar mempunyai motif tertentu. Yang Berhormat (Tumpat) jangan jadi pak turut sahaja."

Sesi penggulungan Shafie adalah mengenai isu ekonomi dan kewangan berhubung naik turun pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), pembelian saham Penerbangan Malaysia (MAS) oleh kerajaan, penggunaan dana awam bagi membeli saham Time dotCom Berhad (TdC) serta penetapan ringgit.

Shafie turut memberikan penjelasan panjang lebar tentang pembelian saham MAS oleh kerajaan dan saham TdC, yang sebelum ini sudah dijawab semasa menggulung perbincangan usul terima kasih titah Yang di-Pertuan Agong dan semasa soal jawab.

Mengenai pasaran saham BSKL, Shafie berkata antara faktor penurunan harga saham ialah tekanan jualan secara mendadak yang berlaku di kebanyakan pasaran saham di seluruh dunia serta peningkatan kadar faedah bank dan tanda tanya mengenai prestasi ekonomi Amerika Syarikat.

Shafie berkata BSKL mengalami penurunan 1.53 peratus berbanding Hong Kong jatuh 16.6 peratus, Singapura (10.9 peratus), Indonesia (10.7 peratus), Filipina (4.2 peratus) dan Jepun (4.1 peratus) manakala Taiwan, Thailand dan Korea Selatan meningkat.

Pada ketika ini, Abdul Rahman bangun dan menyatakan jawapan sedemikian

terlalu umum menyebabkan pembangkang terpaksa membangkitkan isu yang sama berulang kali.

Penggulungan Shafie pada peringkat itu turut diganggu oleh beberapa anggota Parlimen seperti Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena), Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut), Husam Musa (PAS-Kubang Kerian), Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka).

Pada ketika Shafie menyatakan bahawa penglibatan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) untuk membeli saham TdC adalah dalam bentuk pembelian jangka panjang dan ia tidak menjangka pasaran saham akan merudum enam bulan selepas keputusan perolehan dibuat pada Oktober tahun lepas.

Mohamad Sabu (PAS-Kuala Kedah) pula bangun dan meminta supaya jawapan lebih baik diberikan sambil berkata: "Jawapan tak seronok. Itu KWAP tidak tahu harga runtuh, saya tahu. Banyak ahli korporat duduk belakang dengar, malu tau."

-- BERNAMA

HS HS NAK